

21 NOV 1999

BN-Manifesto (Agama)

BN BERJAYA MARTABATKAN ISLAM SEBAGAI AGAMA RASMI

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional (BN) telah berjaya memartabatkan Islam sebagai agama rasmi negara sehinggakan Malaysia hari ini diiktiraf oleh dunia Islam sebagai negara contoh, menurut manifesto pilihan raya BN yang dilancarkan hari ini.

Islam telah dimajukan secara meluas tetapi BN juga memberi jaminan kebebasan beragama kepada bukan Islam, menurut manifesto setebal 19 muka surat itu yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Manifesto itu berkata sistem perbankan dan insurans Islam yang berjaya dilaksanakan, kini digunakan oleh semua bangsa dan agama.

Pendidikan Islam sehingga ke peringkat universiti disediakan dan pengendalian jemaah haji ke Makkah diuruskan dengan tersusun dan tertib.

-- BERNAMA

HS RON